

## KENYATAAN MEDIA UNTUK PENYIARAN SERTA-MERTA

### 39 BUAH SEKOLAH RENDAH DAN 74 BUAH SEKOLAH MENENGAH BERENTAP PADA PERINGKAT AKHIR PERTANDINGAN ROBOTIK KEBANGSAAN 2016 Pelajar sekolah mencipta robot yang dapat menguruskan sisa buangan

**SERI ISKANDAR, PERAK, 25 September 2016** - Kementerian Pendidikan Malaysia (**KPM**) dengan kerjasama Sasbadi Holdings Berhad (**Sasbadi Holdings**) telah menganjurkan Pertandingan Robotik Kebangsaan (*National Robotics Competition – NRC*) 2016 di Universiti Teknologi PETRONAS, Perak. Pertandingan akhir yang diselenggarakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perak itu yang menerima sebanyak 186 buah pasukan dari sekolah rendah dan menengah seluruh Malaysia telah bersaing dalam pertandingan tersebut yang berlangsung dari 23 hingga 25 September 2016. Peserta yang mewakili pasukan terbaik daripada 13 negeri dan 3 Wilayah Persekutuan telah melayakkan diri pada peringkat awal NRC 2016 yang melibatkan 2,286 buah pasukan dari seluruh pelosok tanah air. Mereka bertanding untuk merebut kejuaraan dalam tiga kategori utama, iaitu Kategori Biasa, Kategori Terbuka dengan tema “Rap The Scrap” dan Kategori *NRC Football*. Terdapat tiga jenis pertandingan dalam Kategori Biasa iaitu “Clean Road to School” untuk pelajar sekolah rendah, “Waste Sorting” untuk pelajar menengah rendah dan “Recycling Plant” untuk pelajar menengah atas.

Pada tahun lepas NRC telah memperkenalkan satu kategori baharu iaitu *STEM Invention & Innovation Competition* (**STEM Competition**) dan tema kategori tersebut bagi tahun ini ialah “Smart Furniture” yang memerlukan peserta mencipta perabot mudah alih yang dapat bertukar bentuk untuk memenuhi pelbagai fungsi di samping menjimatkan ruang. Kategori ini tidak memerlukan peserta menggunakan sebarang program dan hanya menuntut peserta mereka cipta mesin dengan mengaplikasikan kreativiti, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (**KBAT**), dan pengetahuan dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (**STEM**).

Dipetik dari teks ucapan **Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof**, “Program Robotik seperti NRC amat berkesan dalam menarik minat pelajar terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik dan membantu mereka membina kemahiran-kemahiran penting yang diperlukan dalam abad ke-21 ini. Kemahiran berfikir merupakan salah satu contoh kemahiran yang penting untuk pelajar bersaing dan cemerlang pada peringkat global. Mereka harus mampu mengeluarkan dan memperbaharui idea-idea, menganalisis dan menjangka masalah secara mendalam, dan mengemudi kehidupan dengan matang. Pertandingan robotik semestinya menggalakkan pelajar untuk berlatih kemahiran-kemahiran tersebut dic samping mengaplikasikan konsep STEM semasa cabaran pertandingan.”

“Pihak kementerian sentiasa komited dalam memastikan pencapaian Wawasan 2020 melalui pembaharuan dan transformasi pendidikan. Ini diterjemahkan melalui lima aspirasi sistem pendidikan iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Selain itu, kerajaan juga amat menitikberatkan soal inovasi seiring dengan usaha meningkatkan penguasaan murid dalam bidang sains dan teknologi. Inovasi terutamanya dalam bidang robotik amat perlu kita suburkan dari semasa ke semasa demi menyediakan pemain industri yang mampu bersaing pada peringkat antarabangsa.”

Pada tahun ini, NRC dianjurkan dengan kerjasama daripada Universiti Teknologi PETRONAS (**UTP**) dan *Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE-RAS)* Malaysia selaku penganjur bersama pertandingan. NRC disenaraikan sebagai salah satu acara robotik di bawah Robot Fiesta Malaysia 2016 (**Robot Fiesta**). Robot Fiesta merupakan salah satu acara robotik terbesar di Malaysia yang melibatkan kira-kira 1,000 orang pelajar sekolah, penuntut pusat pengajian tinggi, penganalisis, dan ahli akademik.

Mengalukan pembabitan peserta dalam bidang STEM, **YBhg. Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hashim, Naib Canselor Universiti Teknologi PETRONAS** melalui teks ucapan beliau menyebut, “Penganjuran pertandingan NRC 2016 adalah diharapkan dapat dijadikan platform untuk menarik minat pelajar sekolah menceburi bidang kejuruteraan, sains dan teknologi dan seterusnya dapat melahirkan saintis, jurutera dan pakar teknologi yang mampu bersaing pada peringkat antarabangsa pada masa akan datang. Kami di UTP amat menyokong penerapan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik dalam pembelajaran yang dapat mendukung usaha mentransformasikan sistem pendidikan secara menyeluruh dan sistematik. Dengan ini diharapkan para peserta NRC 2016 akan kembali ke universiti ini sebagai pelajar UTP dalam bidang kejuruteraan, sains ataupun teknologi.”

Mewakili Sasbadi Holdings, **Pengarah Urusan Kumpulan, Sasbadi Holdings, Encik Law King Hui** mengulas, “Apa yang menarik tentang NRC ialah NRC bukan sahaja merupakan platform yang efektif untuk melatih pelajar tentang kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21, malahan, NRC juga menitikberatkan isu-isu semasa yang relevan dengan dunia sebenar. “Rap The Scrap” merupakan contoh yang baik untuk melihat para peserta bersungguh-sungguh mempamerkan kreativiti, inovasi, dan kemampuan mereka cipta teknologi untuk mengurangkan, mengurus, dan mengitar semula bahan buangan.”

Encik Law juga menyentuh kepentingan program yang berasaskan STEM dan pentingnya menyemai minat dalam diri pelajar bermula dari peringkat umur yang masih muda. “Dewasa ini sudah banyak pekerjaan yang mensyaratkan bidang STEM. Sudah semestinya pada masa akan datang, dunia akan memerlukan lebih banyak pekerjaan yang berkaitan dengan bidang STEM yang sesetengahnya kita masih tidak dapat bayangkan lagi. Jadi, amat penting bagi para guru untuk melengkapkan para pelajar dengan kemahiran-kemahiran STEM agar mereka bersedia untuk menghadapi cabaran pada masa depan.” Tambah beliau, “Inilah sebabnya NRC dicipta iaitu untuk menanam minat dalam bidang STEM dan menyediakan platform yang praktikal dan mengujakan untuk para pelajar mengaplikasikan pengetahuan.”

Pemenang NRC 2016 akan mewakili Malaysia dalam kejohanan *World Robot Olympiad (WRO)* 2016 di New Delhi, India yang akan berlangsung dari 25 hingga 27 November 2016. “Saya yakin bahawa kita mempunyai kontinjen mantap yang boleh dibanggakan untuk mewakili negara pada WRO 2016 di New Delhi, India pada bulan November nanti,” tambah Encik Law.

Hasil kerjasama yang baik antara pihak KPM dengan Sasbadi Holdings, kontinjen negara yang dihantar ke WRO menunjukkan prestasi yang memberangsangkan apabila membawa pulang gelaran “Juara Keseluruhan” sebanyak 5 kali dalam tempoh 7 tahun yang lalu. Kali pertama adalah pada tahun 2009 di Pohang, Korea Selatan; kali kedua pada tahun 2010 di Manila, Filipina; kali ketiga pada tahun 2012 di Kuala Lumpur, Malaysia; kali keempat pada tahun 2013 di Jakarta, Indonesia; dan terkini semasa WRO 2015 di Doha, Qatar apabila Kontinjen Malaysia memenangi 3 pingat emas, 2 pingat gangsa, dan 4 Anugerah Kecemerlangan.

\*\*\*

---

### **Tentang Sasbadi Holdings**

**Sasbadi Holdings Berhad (Sasbadi Holdings)** merupakan penerbit bahan-bahan pendidikan, yang merangkumi penerbitan bercetak yang berfokus pada pendidikan sekolah rendah dan menengah. Walaupun sebahagian besar hasil terbitan pendidikan mereka adalah berdasarkan Kurikulum Kebangsaan, Malaysia, Kumpulan juga menerbitkan bahan-bahan pendidikan yang tidak berdasarkan kurikulum sekolah serta buku bertajuk umum. Kumpulan juga menerbitkan bahan-bahan pendidikan berdasarkan Kurikulum Kebangsaan, Malaysia melalui portal sesawang. Bisnes Sabadi Holdings dilengkapi oleh pengedaran produk pendidikan gunaan yang direka untuk memberikan pengalaman pembelajaran interaktif kepada pelajar. Produk-produk ini merangkumi blok pembinaan kecil dan komponen mekanikal, elektrik dan elektronik serta peralatan yang dapat menerima dan menganalisis syarat secara langsung dengan perisian yang membolehkan penciptaan sistem pengawalan dan pengukuran.

---

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

**Eliziana Ahmad**

Tel: +603-61451188

HP: +017-8732083

Email: eliziana@sasbadi.com